


GARIS PANDUAN INDUSTRY COLLABORATION INCENTIVE

PERKARA	KETERANGAN
Nama Insentif	INDUSTRY COLLABORATION INCENTIVE
Objektif	Penawaran insentif adalah sebagai pemangkin kepada penyelidik dan <i>Research Group</i> (RG) untuk mendapatkan lebih banyak peluang kerjasama penyelidikan dengan industri.
Syarat Khusus	<ol style="list-style-type: none">1. Tawaran insentif pemangkin geran industri adalah terbuka kepada semua penyelidik UTM yang berjaya mendapatkan geran industri dengan jumlah minima geran seperti berikut :<ol style="list-style-type: none">(i) Science & Technology (S&T) : RM 20,000.00(ii) Non Science & Technology (Non S&T) : RM 5,000.002. Geran industri mestilah didaftarkan sebagai geran jenis Contract-DTD (CR-DTD) di dalam sistem RADIS dengan pengurusan di bawah RMC. Penyelidik perlu memberikan sumbangan sebanyak 5% daripada jumlah keseluruhan geran bagi melayakkan penyelidik mendaftarkan geran di bawah geran jenis CR-DTD dan penaja (industri) layak menerima pengecualian cukai berganda (<i>Double Tax Deduction</i>).3. Hanya projek penyelidikan sahaja yang akan diambilkira sebagai geran industri. Sumbangan industri dalam bentuk <i>in kind/</i> wakaf/ hadiah tidak boleh didaftarkan sebagai projek penyelidikan dan geran.4. Permohonan perlu dibuat melalui <i>Research Group</i> (RG) masing-masing. Penyelidik yang mendapatkan geran industri tanpa penglibatan RG tidak akan diambilkira dalam tawaran skim ini.5. RG boleh membuat permohonan insentif ini bagi setiap satu geran yang didaftarkan di dalam RADIS selepas insentif ini berkuatkuasa. Walaubagaimanapun, RG perlu membuat kawalan permohonan insentif ini daripada penyelidik.6. Seorang penyelidik yang berjaya menerima lebih daripada satu (1) geran daripada sebuah industri (Syarikat XYZ), boleh membuat satu (1) kali permohonan insentif sahaja. Namun, beliau masih boleh mendapatkan insentif sekiranya mendapat geran baharu daripada industri yang lain/ berbeza. Penyelidik lain juga boleh membuat permohonan insentif sekiranya berjaya mendapatkan geran daripada Syarikat XYZ.

	<p>7. Penyelidikan yang ditaja oleh anak syarikat di bawah UTM dan syarikat hiliran (<i>Spin-off Company</i>) adalah tidak layak untuk mendapatkan insentif ini.</p>
Tempoh	<ol style="list-style-type: none"> 1. Permohonan perlu dikemukakan dalam tempoh geran aktif. 2. RG boleh menggunakan insentif tersebut selagi tabung insentif tersebut masih mempunyai baki.
Amaun / Insentif	<ol style="list-style-type: none"> 1. Insentif yang diberikan adalah sebanyak RM 1,000.00 bagi setiap geran yang berjaya didaftarkan di dalam RADIS sebagai geran Contract DTD (CR-DTD). 2. Insentif ini boleh digunakan untuk tujuan menjalankan inisiatif pencarian geran industri termasuklah sepertimana yang berikut : <ol style="list-style-type: none"> (i) Tuntutan perjalanan (penginapan, elaun makan); (ii) Aktiviti bersama industri; (iii) Majlis makan /jamuan makan mesyuarat bersama industri. 3. Penawaran insentif juga tertakluk kepada perubahan semasa atau ketersediaan peruntukan universiti.
Proses permohonan	<ol style="list-style-type: none"> 1. RMC akan memudahkan urusan permohonan insentif. Namun dalam masa yang sama ingin mengawal aliran keluar insentif bagi tujuan yang betul dan untuk RG yang benar-benar layak. 2. Permohonan perlu dibuat oleh RG kepada RMC melalui emel (ke alamat dtd@utm.my) dengan mengemukakan borang permohonan. Borang permohonan adalah seperti dilampiran 1. 3. Insentif akan dimasukkan ke dalam satu tabung khas insentif ICI mengikut RG masing-masing. 4. Tuntutan boleh dibuat selepas kelulusan pemberian insentif dikeluarkan oleh RMC. Borang tuntutan/ e-form (UTMFin) perlu dikemukakan kepada RMC untuk pengesahan dan kelulusan dengan mengemukakan resit rasmi perbelanjaan dan perincian penggunaan insentif bersama borang tuntutan. 5. Bayaran akan dibuat ke akaun Ketua Projek/ penama sepertimana yang dimasukkan ke dalam e-form UTMFIN selepas selesai urusan tuntutan bayaran balik wang dibuat di peringkat RMC.
Penilaian	<ol style="list-style-type: none"> 1. Permohonan yang lengkap dan memenuhi kriteria penawaran insentif ini akan dikemukakan kepada pihak pengurusan RMC.

	<ol style="list-style-type: none">2. Permohonan dibuka dalam tempoh satu (1) tahun bermula 1 Jun 2020 hingga 31 Mei 2021.3. Hanya geran didaftarkan dalam tempoh tawaran ini (selepas 1 Jun) layak memohon.4. Penilaian akan mengambilkira jumlah kemasukan dana penaja ke akaun UTM dengan sekurang-kurangnya 40% daripada jumlah keseluruhan geran.
Keputusan	<ol style="list-style-type: none">1. Keputusan akan dibuat oleh Timbalan Pengarah (Korporat & Projek)2. Permohonan yang diluluskan akan dimaklumkan melalui emel dalam tempoh 14 hingga 21 hari bekerja bergantung kepada kelulusan pengurusan

LAMPIRAN 1 : Borang Permohonan INDUSTRY COLLABORATION INCENTIVE

 UTM <small>UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA</small>			<small>Research Management Centre</small>
PERMOHONAN INDUSTRY COLLABORATION INCENTIVE			
MAKLUMAT RESEARCH GROUP			
Nama Research Group			
Nama Ketua			
Emel Rasmi			
MAKLUMAT PERMOHONAN INSENTIF			
Butiran Projek (1)	Nama Penyelidik Nama Projek No. Pendaftaran Geran Tandatangan Ketua Projek		
Butiran Projek (2)	Nama Penyelidik Nama Projek No. Pendaftaran Geran Tandatangan Ketua Projek		
Butiran Projek (3)	Nama Penyelidik Nama Projek No. Pendaftaran Geran Tandatangan Ketua Projek		
PERAKUAN KETUA RESEARCH GROUP			
Saya dengan ini mengaku bahawa projek sepertimana yang disenaraikan di atas telah dijalankan dengan pemerhatian/ kawalan RG dan RG akan bertanggungjawab atas sebarang kesulitan jika berlaku kepada projek yang disenaraikan di atas.			
Tandatangan Ketua RG :			
Tarikh :			

Nota :

1. RG boleh mengemukakan satu permohonan untuk satu projek dalam satu masa atau mengumpul permohonan untuk beberapa projek.
2. Sila tambah butiran projek pada borang mengikut jumlah permohona